

**STATUS DAN PENENTU SIFAT KEUSAHAWANAN PKS ASAS TANI
(STATUS AND DETERMINANTS OF CHARACTERISTICS OF AGRO-BASED SME
ENTREPRENEUR)**

FARIDAH SHAHADAN & ZURAIDAH ABDULLAH

ABSTRAK

Pengeluar produk pertanian selalunya dianggap sebagai petani yang usahanya lebih bermotifkan untuk mendapatkan pendapatan bagi menyara sara hidup keluarga. Mereka tidak mempunyai ciri-ciri seorang usahawan bermotifkan untuk meningkatkan dan memaksimkan keuntungan. Pengeluar produk pertanian digalakkan menjadi usahawan yang mengendalikan sebuah enterpris berasaskan pertanian. Selain daripada mempunyai ciri-ciri keusahawanan, untuk menguruskan sesuatu perusahaan mereka perlu mempunyai kemahiran mengurus, modal kewangan dan fizikal seperti tanah dan lain-lain. Faktor-faktor ini selalunya boleh menjadi penghalang atau penggalak kepada kejayaan sesebuah perusahaan. Tujuan kertas kerja ini adalah untuk menganalisis kepentingan sifat keusahawanan yang perlu dimiliki oleh pengusaha produk pertanian. Faktor-faktor lain seperti inovasi, penyelenggaraan dan sumber manusia juga di analisis untuk meneliti kaitannya dengan kejayaan enterpris dalam sektor asas tani. Penulisan kertas kerja ini berdasarkan tinjauan ke atas 200 PKS.

Kata kunci: keusahawan asas tani; PKS; produk pertanian; untung.

ABSTRACT

Producers of agricultural products are often regarded as farmers whose efforts are more inclined in supporting their families. They do not possess the drive of entrepreneurs who crave for the maximum increase in their profitability. Agricultural producers are encouraged to become entrepreneurs to agro-based enterprises. Besides possessing the characteristics of an entrepreneur, they must also have the managing skill as well as capital in the form of financial and physical such as land etc. These factors can act as constraints or supports to a successful enterprise. This paper intends to analyze the important characteristics that agricultural product entrepreneurs must possess. Other factors such as innovation, maintenance and human resources are also being analyzed as to understand their connection to the success of these enterprises in the agro-based sector. This paper is based on a survey done on 200 SMEs.

Keywords: agro-based entrepreneurs, SME, agricultural product, profit

1. Pengenalan

Sektor pertanian merupakan sektor ketiga terpenting selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan untuk pertumbuhan ekonomi negara. Sektor ini yang merupakan sektor berasaskan sumber telah menjadi peneraju utama untuk pertumbuhan sektor pemrosesan

makanan. Memandangkan Malaysia berhasrat menjadi hub-halal dunia sektor pertanian akan menjadi bertambah penting. Peranan dan pembangunan sektor pertanian tidak akan dapat ditingkatkan tanpa penglibatan sektor swasta yang menjadi pengeluar utama komoditi pertanian. Bilangan usahawan yang menerajui sektor swasta dalam bidang pertanian dan industri asas tani perlu ditingkatkan. Sektor swasta memang telah lama terlibat dalam sektor perladangan seperti getah dan kelapa sawit. Sungguh pun demikian, dalam sektor-sektor lain seperti padi, kopi, lada hitam, penternakan, kebanyakannya disertai oleh pekebun-pekebun kecil, peladang, penternak atau petani. Pekebun kecil, peladang atau petani merupakan pengeluar produk pertanian secara kecil-kecilan bertujuan untuk mendapatkan pendapatan bagi menyara penghidupan keluarga. Bolehkah pekebun kecil, peladang, penternak secara kecil-kecilan dan petani menjadi usahawan yang boleh memainkan peranan yang penting bagi membangunkan sektor ini?

Usahawan merupakan individu yang paling dinamik, kreatif, inovatif dan sentiasa berdaya maju. Mereka bersedia untuk berhadapan dengan ketidakpastian melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Semangat ini telah menyebabkan mereka melihat hari esok dengan penuh peluang dan berkeyakinan untuk merebut peluang berkenaan. Mereka yang mempunyai ciri keusahawanan selalunya dapat mengurus perusahaan dan perniagaan mereka dengan baik. Oleh itu, keusahawanan dikaitkan dengan prestasi usahawan. Adakah petani, penternak dan pengeluar produk pertanian yang selama ini menceburi dalam sektor ini sebagai satu pekerjaan untuk mencari mata pencarian boleh menjadi seorang usahawan yang bermotifkan keuntungan. Adakah mereka mempunyai ciri keusahawanan?

Artikel ini ditulis bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri keusahawanan yang dipunyai oleh pengusaha IKS asas tani. Ianya juga akan menganalisis secara mendalam faktor-faktor yang boleh mempengaruhi sifat dan ciri keusahawanan. Antara faktor-faktor yang dianalisis dan dijangkakan mempengaruhi ciri keusahawanan adalah umur, gender, etnik, tingkat pendidikan kursus yang pernah dihadiri dan tujuan menceburi diri dalam perniagaan. Kertas kerja ini ditulis berasaskan maklumat yang diperolehi daripada 237 orang usahawan PKS dalam sektor pertanian dan industri asas tani. Mereka telah dipilih secara rawak.

2. Ciri-ciri Usahawan Yang Baik

Bidang keusahawanan merupakan satu kerjaya di mana seorang individu mestilah mempunyai 3E. Pertama *'Enthusiasm'* yakni seseorang usahawan sebenarnya bukan sahaja membina perniagaan tetapi juga berusaha untuk mencapai misi hidupnya. Kedua, *'Energy'* yakni mempunyai perancangan dan melaksanakannya. Ketiga, *'Endurance'* yakni yakin bahawa keusahawanan ibarat satu larian marathon dan semestinya mempunyai daya ketahanan dan daya saing yang tinggi.

McClelland seawal 1961 telah menulis banyak artikel berkaitan dengan ciri-ciri seorang usahawan. Beliau membuat kesimpulan seorang usahawan bermotivasi tinggi kerana di dorong oleh kemahuan untuk berjaya dan kerana keinginan untuk 'membina sesuatu'. Sahlman et. al. (1999) berpendapat seseorang usahawan adalah individu yang mempunyai keupayaan untuk mencapai impian walaupun tanpa sumber di bawah kawalannya.

Kebanyakan para pengkaji bersetuju keberkesanan aktiviti usahawan adalah dengan usahawan yang baik sentiasa mencari dan mengambil inisiatif dan bertanggung jawab ke atas sebarang tindakan yang dilakukan. Golongan ini sanggup meletakkan diri mereka sebagai orang yang bertanggung jawab dalam sesuatu operasi tidak kira sama ada berjaya atau gagal. Usahawan adalah seorang yang bertanggung jawab terhadap apa yang akan berlaku. Mereka mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah di mana tidak ada pemimpin lain

yang sanggup mengambilnya. Usahawan yang berjaya lazimnya mempunyai daya inisiatif yang tinggi. Mereka mempunyai kecenderungan untuk melihat, menganalisis dan mengambil tindakan secara proaktif (Hoe Chee Hee, 2004).

Kejayaan sesuatu usaha bergantung kepada komitmen usahawan tersebut. Usahawan yang mempunyai komitmen yang tinggi berupaya untuk mengatasi ancaman dan rintangan di dalam perniagaan. Komitmen usahawan terhadap idea dan pelaburan mereka menentukan kejayaan pelaburan yang mereka usahakan. Sikap ini merupakan satu bentuk personaliti yang penting kerana hampir setiap usaha teroka memerlukan kerajinan, komitmen dan ketabahan untuk menagtasi pelbagai cabaran, rintangan dan masalah yang mungkin timbul.

Usahawan mempunyai kebijaksanaan di dalam mencari dan merebut peluang perniagaan yang ada. Di dalam mencari peluang perniagaan baru, usahawan melihat peristiwa atau kejadian sama seperti orang lain, tetapi hasilnya atau penilaian terhadap peristiwa tersebut adalah berlainan. Usahawan bukan sahaja berkebolehan mencari peluang yang ada tetapi mempunyai kebolehan untuk meraih peluang tersebut.

Usahawan yang baik juga berani menanggung risiko. Usahawan bukanlah seorang yang sanggup mengambil risiko secara membabi buta, segala risiko yang bakal dihadapi telah diambilkira. Apabila seorang usahawan melibatkan diri di dalam sesuatu pelaburan, semua perkiraan telah diambilkira demi untuk mengelakkan usahawan tersebut menanggung risiko yang tidak sepatutnya. Usahawan menguruskan risiko dengan memindahkan sebahagian daripada risiko kepada pelabur, pihak bank, pelanggan, pembekal dan pihak tertentu.

Usahawan mempunyai sifat dan prilaku yang berorientasikan kejayaan (*achievement oriented*). Untuk mempunyai sifat beorientasikan kejayaan mereka perlu keyakinan diri yang tinggi di atas kebolehan mereka untuk mencapai kejayaan. Kecenderungan ini membuatkan mereka bersikap optimistik terhadap kejayaan yang akan mereka kecapai. Dengan mempunyai keyakinan dan optimistik yang tinggi, tidak hairanlah banyak usahawan yang pernah gagal berkali-kali akhirnya menjadi seorang usahawan yang berjaya. Usahawan tidak mudah kecewa, putus asa dan sedih apabila mengalami kegagalan. Mereka belajar dari kegagalan. Pada waktu yang sukar, mereka masih lagi mencari peluang yang ada. Kebanyakan usahawan percaya mereka lebih banyak belajar dari kegagalan berbanding dengan kejayaan.

Kreatif dan inovatif adalah perkara utama yang perlu ada pada setiap usahawan untuk memperolehi kelebihan persaingan di dalam pelaburan mereka. Melalui fikiran yang kreatif, inovatif dan daya imaginasi, usahawan boleh menghasilkan produk yang khusus dan perkhidmatan kepada para pengguna. Kreativiti boleh dipelajari. Dengan sifat kreatif dan inovatif, usahawan mempunyai kelebihan bersaing. Usahawan yang mempunyai sifat yang kreatif dan inovatif akan sentiasa mencari idea baru untuk mengembangkan perniagaan mereka. Usahawan yang kreatif dan inovatif dapat bertahan lama dalam dunia perniagaan yang mencabar (Wan Liz Ozman and Sulzari, 2002).


Sifat kawalan lokus dalaman (*internal locus of control*) perlu ada pada setiap usahawan. Usahawan yang percaya kejayaan atau kegagalan sesuatu usaha adalah bergantung kepada diri mereka sendiri. Kemajuan dan kemunduran berada di dalam kawalan dan pengaruh mereka sendiri dan mereka boleh mempengaruhi akibat yang akan berlaku hasil dari tindakan yang mereka lakukan.

Usahawan yang baik perlu mempunyai kesungguhan (*Persistence*) dalam segala aspek pengurusan perniagaan mereka untuk mencapai maklumat mereka, walaupun dalam kebanyakan hal mereka menanggung beban yang besar dan tekanan yang akan mereka hadapi. Kesungguhan ini akan menyebabkan usahawan sentiasa berusaha mencari peluang, melakukan penyelesaian sebarang rintangan yang dihadapi.

Selain daripada itu terdapat juga pendapat yang mengatakan sifat-sifat lain yang perlu dalam diri usahawan adalah berdikari, bijak membuat penilaian dan keputusan, pengetahuan yang mendalam dalam bidang yang diceburi, berdisiplin dalam menguruskan perniagaan dan dapat membentuk jaringan perniagaan yang luas.

3. Keusahawanan Dan Prestasi: Kerangka Konsep

Bolehkah pekebun kecil, peladang, penternak secara kecil-kecilan dan petani menjadi usahawan yang boleh memainkan peranan yang penting bagi memmbangunan sektor ini? Adakah mereka mempunyai ciri-ciri keusahawanan yang boleh membawa kejayaan kepada prestasi perusahaan mereka. Ada pendapat yang mengatakan sifat-sifat keusahawanan dalam diri seseorang itu adalah semulajadi iaitu seseorang itu dilahirkan mempunyai sifat keusahawan dengan darjah yang tertentu. Di pihak yang lainnya berpendapat bahawa sifat-sifat keusahawan itu boleh diperolehi atau dipelajari. Dalam kontek ini, seseorang itu boleh memperolehi dan mempertingkatkan sifat keusahawan mereka melalui pendidikan formal yang diperolehi di sekolah, pengalaman melakukan perniagaan melalui perniagaan sendiri atau sebagai pekerja kepada pengusaha lain dan mengikuti latihan atau kursus-kursus perniagaan. Ini bermakna bahawa sifat-sifat keusahawanan seseorang itu ditentukan oleh sifat-sifat semulajadi yang boleh diukur dengan gender, umur dan etnik mereka. Implikasi gender seseorang itu juga sering dikaitkan dengan kebudayaan sesuatu masyarakat dan memberi kesan kepada sifat keusahawanan mereka. Sifat keusahawanan yang boleh dipelajari boleh diukur melalui taraf pendidikan, pengalaman berniaga, kursus dan latihan yang pernah diikuti dan alasan mereka menceburkan diri dalam perniagaan (Alstete, 2008). Hubungkait antara perkara yang dinyatakan di atas dengan sifat-sifat keusahawanan ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Penentu kepada sifat keusahawanan, keupayaan mengurus dan prestasi.

Seorang usahawan yang baik mempunyai keupayaan mengurus perusahaan mereka dengan baik. Sifat kesungguhan membuatkan mereka berusaha untuk mencapai kejayaan, percaya akan kebolehan diri sendiri dan sifat-sifat keusahawanan yang lain membolehkan mereka mengurus sumber manusia, pengeluaran, pemasaran dan urusan kewangan dan modal


dengan baik. Oleh itu sifat keusahawanan yang baik dan kebolehan mereka mengurus memberi implikasi kepada prestasi perusahaan mereka (Rogoff and Suh, 2004).

4. Analisis Emperik

Bahagian ini membincangkan analisis emperik berlandaskan maklumat yang diperolehi daripada 237 orang usahawan PKS dalam sektor pertanian dan industri asastani. Mereka melibatkan diri dalam perniagaan menghasilkan sayur-sayuran, buah-buahan, holtikultur, akuakultur, penternakan dan perusahaan asastani.

4.1. Kategori Keusahawanan


Kesemua usahawan ini dikelas mengikut ciri-ciri keusahawanan iaitu kesungguhan (*persistence*), berorientasikan kejayaan (*achievement oriented*), mengambil risiko, kreatif dan berinovasi dan lokus kawalan dalaman. Untuk mengklaskan usahawan, kaedah analisis Kluster telah digunakan. Analisis Kluster ini menggunakan pendekatan korelasi antara pemboleh-pemboleh yang telah dikenalpasti. Hasilnya kesemua usahawan telah dibahagikan kepada lima Kluster. Rajah 2 hingga 6 menggambarkan kelima-lima kluster tersebut. Tahap sifat keusahawanan dianggap tinggi sekiranya mempunyai nilai lebih 4. Jika nilai antara 3 dan 4 sifat keusahawanan dianggap sederhana manakala jika nilai kurang daripada 3 sifat keusahawanan tersebut dianggap rendah.



Rajah 2: Ciri Usahawan Kluster 1
Sumber: Kajiselidik 2008


Usahawan Kluster 1 merupakan usahawan yang mempunyai sifat kesungguhan dan berorientasi kejayaan yang tinggi. Beliau juga mengambil risiko secara sederhana. Bagaimanapun usahawan ini mempunyai daya kreativiti dan lokus kawalan dalaman yang rendah. Bilangan usahawan dalam kategori ini adalah 30 orang.

Usahawan Kluster 2 merupakan usahawan yang mempunyai sifat tahap kesungguhan dan berorientasi kejayaan yang tinggi. Bahkan berbanding dengan usahawan yang dikategorikan dalam Kluster 1 kedua-dua sifat ini lebih tinggi. Mereka juga mempunyai tahap penerimaan risiko dan kawalan lokus dalaman yang tinggi. Mereka juga mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang sederhana. Seramai 57 orang usahawan telah



dikategorikan dalam kluster ini (lihat Rajah 3).



Rajah 3: Ciri Usahawan Kluster 2
 Sumber: Kajiselidik 2008



Ciri-ciri usahawan dalam Kluster 3 dan 4 ditunjukkan dalam Rajah 4 dan 5. Usahawan dalam Kluster 3 mempunyai semua sifat keusahawanan yang sederhana. Seramai 33 orang usahawan jatuh dalam Kluster 3. Usahawan dalam Kluster 4 mempunyai sifat kesungguhan yang tinggi, berorientasikan kejayaan dan kawalan lokus dalaman pada tahap sederhana. Mereka mempunyai tahap pengambilan risiko dan daya kreativiti dan inovasi yang rendah. Seramai 34 orang usahawan telah dikategorikan dalam Kluster 4 (lihat Rajah 4 dan 5).

Rajah 4: Ciri Usahawan Kluster 3
 Sumber: Kajiselidik 2008

Usahawan dalam Kluster 5 mempunyai mempunyai sifat kesungguhan yang tinggi dan tahap orientasi kejayaan, pengambilan risiko serta kreativiti dan inovasi yang sederhana. Bagaimanapun tahap kawalan lokus dalaman adalah rendah. Seramai 83 orang usahawan telah digolongkan dalam kluster ini.



Rajah 5: Ciri Usahawan Kluster 4
 Sumber: Kaji selidik 2008

Rajah 6: Ciri Usahawan Kluster 5
 Sumber: Kaji selidik 2008

Berdasarkan sifat-sifat keusahawanan mengikut kluster sepertimana yang diterangkan di atas, usahawan yang jatuh dalam Kluster 2 merupakan usahawan yang mempunyai sifat-sifat keusahawanan yang baik. Usahawan dalam kategori ini mempunyai tahap kesungguhan, orientasi kejayaan, pengambilan risiko dan kawalan lokus dalaman yang tinggi. Tahap kreativiti dan inovasi mereka sederhana berbanding dengan kebanyakan usahawan mempunyai tahap kreativiti dan kejayaan yang rendah. Usahawan-usahawan kemudiannya dibahagikan kepada dua kategori iaitu mereka dalam Kluster 2 yang dikategorikan usahawan

yang mempunyai sifat keusahawanan yang baik. Usahawan dalam Kluster 1, Kluster 3, Kluster 4 dan Kluster 5 digabungkan dan dikategorikan usahawan yang mempunyai sifat keusahawanan yang sederhana. Analisis regresi logistik telah dijalankan untuk mengenalpasti perkara yang membezakan antara kedua-dua kumpulan usahawan ini. Keputusan daripada analisis ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Regresi logistik ini tidak dapat menunjukkan perbezaan yang bererti antara kedua-dua kumpulan. Cuma bilangan menghadiri kursus sahaja yang menunjukkan perbezaan antara kedua-dua kumpulan usahawan. Pekali bilangan kursus yang dihadiri bertanda negatif menunjukkan bahawa usahawan yang mempunyai sifat keusahawanan yang sederhana menghadiri banyak kursus berbanding dengan usahawan yang mempunyai sifat keusahawanan yang tinggi. Mengikuti kursus adalah salah satu usaha para usahawan ini untuk meningkatkan sifat keusahawanan mereka. Gender, umur usahawan, etnik, taraf pendidikan, pengalaman berniaga, alasan berniaga, kursus keusahawanan yang diikuti gagal membezakan antara kedua-dua kumpulan tersebut. Ini bermakna ianya menunjukkan bahawa sifat keusahawanan tidak berbeza mengikut gender, etnik, umur, pengalaman berniaga sebelum perniagaan semasa dan alasan menceburkan diri dalam perniagaan. Oleh yang demikian, kita tidak dapat merumuskan bahawa usahawan lelaki, muda dan bukan Bumiputera mempunyai sifat keusahawanan yang lebih baik berbanding usahawan wanita, berumur dan Bumiputera atau sebaliknya. Kita juga tidak dapat merumuskan bahawa usahawan yang berniaga disebabkan minat, menghadiri kursus keusahawanan, mempunyai taraf pendidikan yang lebih tinggi mempunyai sifat keusahawanan yang lebih baik.

Jadual 1: Fungsi Logistik Untuk Membezakan Sifat Keusahawanan Tinggi dan Sederhan

Pembolehubah Penerang	B	S.E.	Wald	df	Sig.	Exp(B)
Gender (1)	0.304	0.421	0.522	1.000	0.470	1.355
Umur usahawan	-0.022	0.017	1.763	1.000	0.184	0.978
Etnik	-0.056	0.506	0.012	1.000	0.912	0.945
Taraf Pendidikan usahawan:			4.073	5.000	0.539	
-Tidak bersekolah	-0.156	0.797	0.038	1.000	0.845	0.856
- Sekolah rendah	-1.033	0.752	1.886	1.000	0.170	0.356
- Sekolah men rendah	-0.472	0.719	0.432	1.000	0.511	0.623
- Sekolah menengah	-0.899	0.666	1.824	1.000	0.177	0.407
- Diploma	-0.466	0.795	0.343	1.000	0.558	0.628
Pengalaman berniaga (dumi)	-0.459	0.450	1.038	1.000	0.308	0.632
Alasan berniaga:			0.133	2.000	0.936	
- minat	0.081	0.409	0.039	1.000	0.843	1.084
- keuntungan	-0.084	0.407	0.042	1.000	0.837	0.920
Bilangan kursus dihadiri	-0.459*	0.198	5.373	1.000	0.020	0.632
Mengikuti kursus keusahawanan (Dumi)	0.629	0.455	1.915	1.000	0.166	1.876
Pemalar	1.030	1.045	0.971	1.000	0.324	2.801

Sumber: Kajiselidik 2008.

Nota: - Pembolehubah bersandar (dua kategori 1 = sifat keusahawanan tinggi, 0 = sifat keusahawanan sederhana).
 - * bererti pada aras 0.05.
 - Model ini telah berjaya mengklaskan usahawan sebanyak 77.5%.
 - Nilai statistik Chi-kuasadua = 14.726, darjah kebebasan =13 dan nilai p = 0.326.

4.2. Penentu Kepada sifat keusahawanan

Bahagian ini akan menganalisis faktor penentu kepada sifat kesungguhan, orientasi kejayaan, pengambilan risiko, kreativiti dan inovasi dan kawalan lokus dalaman dan sifat keusahawanan keseluruhan. Untuk mengenalpasti faktor penentu, kaedah regresi berbilang telah digunakan. Sepertimana yang telah dijelaskan dalam bahagian 3, sifat keusahawanan dijangkakan boleh dijelaskan oleh sifat semulajadi seperti gender, umur dan etnik pengusaha. Sifat yang diperolehi juga dijangkakan boleh menentukan sifat keusahawanan seseorang. Sifat yang diperolehi yang digunakan dalam analisis ini adalah taraf pendidikan, menghadiri kursus keusahawanan, bilangan kursus yang dihadiri, pengalaman berniaga dan alasan berniaga. Jadual 2 menunjukkan nilai pekali bagi fungsi regresi tersebut. Jadual 2 boleh dirumuskan seperti berikut:

- a) Usahawan muda dan usahawan yang sudah mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan sebelum menjalankan perniagaan sekarang mempunyai sifat keusahawanan yang lebih baik (tinggi) berbanding dengan usahawan yang lebih berumur dan tidak mempunyai pengalaman masing-masing.
- b) Usahawan yang mempunyai pengalaman berniaga mempunyai sifat kesungguhan berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai pengalaman berniaga.
- c) Usahawan muda dan usahawan yang sudah mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan sebelum menjalankan perniagaan sekarang mempunyai sifat yang berorientasikan kejayaan yang lebih baik (tinggi) berbanding dengan usahawan yang lebih berumur dan tidak mempunyai pengalaman masing-masing. Dari segi pendidikan formal, usahawan yang mempunyai pendidikan formal yang rendah lebih berorientasikan kejayaan berbanding dengan usahawan yang mempunyai pendidikan formal yang lebih tinggi. Usahawan yang mempunyai pendidikan formal yang rendah akan lebih berazam untuk mencapai kejayaan untuk membuktikan kebolehan mereka.
- d) Pengalaman berniaga juga menyebabkan seseorang usahawan itu lebih berani mengambil risiko.
- e) Usahawan wanita lebih kreatif dan inovatif berbanding usahawan lelaki.
- f) Usahawan wanita dan usahawan yang pernah mengikuti kursus keusahawanan mempunyai kawalan lokus dalaman yang lebih tinggi berbanding dengan usahawan lelaki dan usahawan yang tidak pernah mengikuti kursus keusahawanan. Usahawan yang berniaga atas alasan minat mempunyai kawalan lokus dalaman yang lebih rendah berbanding dengan usahawan yang menceburikan dalam perniagaan atas alasan lain.

Jadual 2: Nilai Pekali Bagi Fungsi Regresi

	Sifat Keusahawanan Keseluruhan	Kesungguhan (<i>Persistence</i>)	Orientasi Kejayaan (<i>Achievement oriented</i>)	Pengambilan Risiko (<i>Risk taking</i>)	Kreatif dan inovatif (<i>Creativity and Innovation</i>)	Kawalan lokus dalaman (<i>Internal Locus of Control</i>)
(Pemalar)	53.53	4.32	4.39	3.23	3.12	3.22

Gender (Dumi)	-0.66	-0.08	-0.02	0.08	-0.14*	-0.23**
Umur	-0.05**	0.00	-0.01**	0.00	0.00	0.00
Etnik (Dumi)	-0.69	-0.01	-0.07	-0.07	-0.12	0.00
Taraf pendidikan (Dumi)	-0.93	-0.03	-0.17**	-0.05	0.00	0.13
Kursus keusahawanan (Dumi)	0.67	0.00	0.05	-0.06	0.03	0.17*
Bilangan kursus yang dihadiri	-0.28	0.01	-0.03	0.00	-0.02	-0.06
Pengalaman Berniaga (Dumi)	1.75**	0.18**	0.18**	0.19	-0.04	0.03
Sebab berniaga (minat)	0.37	0.09	0.03	0.06	-0.07	-0.16*
Sebab berniaga (untung/income)	-0.59	0.01	-0.08	-0.01	0.00	-0.10

Sumber: Kajiselidik 2008.

Nota: ** bererti pada aras 0.05.

* bererti pada aras 0.10.

5. Rumusan dan Implikasi Dasar

Artikel ini menganalisis sifat keusahawanan usahawan dalam sektor pertanian dan industri asastani. Adakah mereka mempunyai sifat-sifat keusahawanan? Sifat-sifat keusahawanan yang di analisis adalah kesungguhan, berorientasikan kejayaan, pengambilan risiko, kreatif dan inovatif dan kawalan lokus dalaman. Secara keseluruhannya usahawan mempunyai sifat kesungguhan dan berorientasi kejayaan yang tinggi. Mereka mempunyai sifat yang sederhana dalam pengambilan risiko dan kawalan lokus dalaman. Sungguh pun demikian, usahawan mempunyai sifat kreatif dan inovatif yang rendah. Walaupun agak sukar untuk menentukan perbezaan ciri-ciri usahawan yang mempunyai sifat keusahawanan yang tinggi berbanding dengan usahawan yang bersifat sederhana, analisis menunjukkan sifat semulajadi usahawan seperti gender menunjukkan usahawan wanita lebih kreatif dan mempunyai kawalan lokus dalaman yang lebih tinggi berbanding dengan usahawan lelaki. Usahawan lebih muda mempunyai sifat keusahawanan yang lebih baik berbanding usahawan yang lebih berusia. Dari segi sifat yang boleh diperolehi, didapati bahawa pengalaman adalah penting bagi membentuk sifat keusahawanan yang baik. Usahawan yang mempunyai pengalaman berniaga sebelum memulakan perniagaan dalam bidang pertanian berupaya menjadikan usahawan mempunyai sifat kesungguhan, berorientasi kejayaan dan sifat keseluruhan usahawan yang tinggi. Kursus keusahawanan yang dihadiri oleh usahawan boleh memupuk sifat kawalan lokus dalaman usahawan.

Adakah sifat keusahawan terlahir dengan semulajadi atau boleh dibentuk? Untuk menjawab persoalan ini hasil analisis mendapati bahawa usahawan yang mempunyai sifat keusahawanan yang sederhana menghadiri lebih banyak kursus berbanding dengan usahawan yang mempunyai sifat keusahawanan yang lebih tinggi. Menghadiri kursus dianggap boleh meningkatkan sifat keusahawanan oleh usahawan dalam sektor pertanian dan industri asastani. Usahawan yang pernah menghadiri kursus keusahawanan mempunyai hubungan

yang positif kepada sifat kawalan lokus dalaman. Sifat kawalan lokus dalaman adalah penting bagi usahawan kerana ia menunjukkan keyakinan terhadap diri sendiri untuk mengendalikan perniagaan dan menghadapi cabaran perniagaan. Atas alasan ini, kursus-kursus keusahawanan perlu diteruskan dan diberi peluang kepada para usahawan khususnya usahawan baru. Pengalaman berniaga memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan sifat keusahawanan. Mereka yang pernah menjalankan perniagaan sebelum menceburi sektor pertanian dan industri tani mempunyai sifat keusahawanan yang tinggi. Ini bermakna para usahawan yang sedia ada digalakkan menceburkan diri dalam bidang pertanian. Para usahawan ini perlu digalakkan menyertai bidang keusahawanan dalam bidang ini. Mereka digalakkan menggunakan tanah-tanah yang terbiar untuk perniagaan mereka. Insentif yang bersesuaian juga perlu diadakan sebagai galakan.

Rujukan

- Ab. Aziz Yusof & Zakaria Yusof. 2004. *Prinsip keusahawanan*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Preston.
- Alstete, J. W. 2008. Aspects of entrepreneurial success. *Journal of Small Business and Entrepreneurial Development* (15) 3:pp 584-594.
- Hirsch, R.D.; Petres, M.P.; & Sheperd, D. 2008. *Entrepreneurship*. 7th.ed. New York: McGraw Hill.
- Hoe Chee Hee et al. 2004. *Asas keusahawanan*. Singapore: Thomson.
- Rogoff, E.G., Lee, M.S. and Suh, D.C. 2004. Who done it? Attributions by entrepreneurs and experts of the factors that cause and impede small business success. *Journal of Small Business Management* (42)4:pp. 364-76.
- Sahlman, W.A. et al. 1999. *The entrepreneurial venture*. 2nd ed. Harvard, Mass.: Harvard Business Press.
- Wan Liz Ozman & Sulzari Mohamed. 2002. *Memperkasakan usahawan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.